



KeADILan lesu di Johor Bahru tetapi muncul di Pulai



Logo Parti
KeADILan

Kalau kata sahaja Keadilan semua orang menyampah dan bosan dengan karenah pemimpinnya. Bukan sahaja ia merupakan perjuangan kepada individu tertentu tetapi lebih mirip kepada tindakan militan. Lihat sahaja di Indonesia pada tahun 1998 dahulu, orang Melayu Indonesia kini terseksa setelah melaungkan reformasi.

Keadilan tidak perlu berjuang atau lebih baik menutup tirai dan memikirkan masa depan orang Melayu kini dengan berkongsi maklumat dengan parti-parti yang lebih mantap seperti UMNO dan sebagainya. Perjuangan Keadilan adalah sia-sia sahaja. Semua orang tahu, kalau di Johor Parti Keadilan hanya merupakan parti serpihan yang tidak langsung mempunyai wasan dan visi yang jelas. Mereka bukan sahaja tidak mampu untuk memartabatkan bangsa Melayu tetapi tidak mampu untuk berdiri sendiri tanpa tongkat-tongkat disekilangnya.

Inilah hakikatnya Parti Keadilan di Johor. Tetapi apabila Pulai telah mula ngabrah, lesu dan lemah dek oleh karenah pemimpinnya maka Parti Keadilan muncul sebagai parasit yang akan menggigit pendirian pengundi-pengundi Pulai yang berbelah bagi. Kenapa Parti Keadilan ini muncul di Pulai?

Tidak lain dan tidak bukan kerana karenah autokrasi pemimpin Pulai yang rakus dan lansung tidak mengambil berat mengenai pelbagai isu-isu sosial rakyat di Pulai. Kalau tanya sahaja nama Tok Mat semua orang kenal dan segan ini dulu kerana masa itu Tok Mat adalah Ahli parlimen Pulai. Tetapi kini Tok Mat bukan sahaja dicemuh malah rakyat Pulai sendiri tak mahukan dynasti Tok Mat memimpin Pulai. 35 tahun Tok Mat menaungi Pulai tak ada satupun masalah 31 buah cawangan yang dapat diselesaikannya.

Kelemahan Pulai telah diperhatikan oleh parti Keadilan yang mengambil kesempatan dari musibah orang lain. Ini terbukti baru-baru ini terdapat banyak kain-kain rentang yang dipamirkan dipersimpangan jalan-jalan masuk ke Pulai dengan tulisan "Salam Perkenalan parti Keadilan".

Untuk pemimpin Pulai mana yang masih tidur lagi, ketika ini Parti Keadilan sedang menjalankan strategi bagi menguasai Pulai dan pensempadan semula Pulai telah merangkumi kawasan atau teritori Ibu Pejabat Parti Keadilan di Tampoi Indah. Ketika ini juga satu usaha telah dijalankan oleh kroni-kroni Keadilan iaitu sepupu kuatnya seperti PAS untuk menyusup dalam jentera UMNO Pulai. Ternyata tindakan ini telah berjaya dilakukan kerana kelemahan pengurusan UMNO Pulai itu sendiri.

Laluan ini diberikan oleh orang Pulai sendiri kerana dibawah kepimpinan Ketua Penaja UMNO Pulai sekarang hanya mengutamakan kroni-kroninya iaitu ahli-ahli Pemuda Pulai. Kemana perginya veteran-veteran UMNO Pulai ketika ini? Apakah hilangnya kekuatan veteran-veteran UMNO itu disingkir oleh tenaga muda atau telah ada team A dan team B dalam Pulai?

Ini masa yang dinanti-nanti oleh pembangkang untuk menyerang Pulai dan inilah masa yang terbaik. Pulai perlu berhati-hati didalam menangani isu-isu pengundi kerana masalah yang berlaku kepada 31 buah cawangan yang memasuki Johor Bahru juga bakal berlaku dalam cawangan-cawangan yang ada ketika ini.

Dalam semua hal, Datuk Nur Jazlan sememangnya tidak mampu untuk menangani atau menangkis dakyah-dakyah yang bakal diketengahkan oleh pembangkang ini kerana latar-belakang beliau adalah terlalu muda dan tidak berpengalaman sebagai pemimpin politik. Keharmonian beliau dengan penduduk setempat dan pengundi Pulai seharusnya diambil kira. Ini kerana sebilangan besar dari pengundi mahupun ahli UMNO Pulai sendiri menolak kepimpinan Nur Jazlan atau ada ada UMNO Pulai sendiri tidak tahu siapakah Nur Jazlan.

Isu Anwar Ibrahim untuk mendapatkan penangguhan mahkamah baru-baru-baru ini dan isu kepimpinan Pulai dan juga isu-isu sosial cawangan-cawangan yang bermasalah bakal menggugat kewibawaan jentera pilihanraya UMNO Pulai bakal disaksikan tidak lama lagi. Dari maklumat yang diterima penulis, bukan kemenangan Parti Keadilan menjadi ukuran mereka tetapi mempengaruhi pendirian dan kewibawaan pemimpin Pulai itu sendiri menjadi sasaran utama. Ini kerana kini Pulai bukanlah sebahagian dari UMNO Bahagian yang kuat seperti diwar-warkan

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.